

KAJIAN RINTIS TERHADAP IMPAK PANDEMIK COVID-19 KE ATAS TARAF HIDUP ISI RUMAH B40

Zuriani Ibhrim¹, Izzah Nur Aida Zur Raffar^{2*}, Wan Kamal Mujani³,
Salmy Edawati Yaacob⁴

¹ Fakulti Pendidikan, Kemanusiaan dan Seni, Kolej Universiti Poly-Tech MARA,
zuriani@gapps.kptm.edu.my

^{2*} Academy of Islamic Contemporary, MARA University of Technology,
izzahnur@uitm.edu.my

³Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
inawan@ukm.edu.my

⁴Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
salmy1001@ukm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
29/07/2022
Received in revised form:
31/08/2022
Accepted:
02/09/2022
Available online:
07/09/2022

Keywords:
Pandemik;
COVID-19;
Taraf Hidup;
Isi Rumah B40

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka sampel yang berskala kecil untuk digunakan dalam kajian sebenar yang berjudul kajian rintis terhadap impak pandemik COVID-19 ke atas taraf hidup isi rumah B40. Justeru, kajian ini bertujuan mengesahkan instrumen dan menentukan impak penularan wabak pandemik COVID-19 ke atas taraf hidup ekonomi isi rumah B40 Melayu yang tinggal di Lembah Klang serta bantuan bersasar oleh kerajaan kepada golongan ini. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan program Statistical Packages for The Social Sciences (SPSS) versi 25 untuk melihat tahap Alpha Cronbach. Golongan isi rumah B40 di Lembah Klang terlibat dalam kajian rintis ini melalui data soal selidik seramai 50 orang isi rumah. Tahap kebolehpercayaan soal selidik ini adalah 0.806 iaitu tahap kebolehpercayaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi. Hasil kajian mendapati pandemik COVID-19 telah memberi kesan besar ke atas taraf hidup dan kesejahteraan ekonomi golongan B40 Melayu di Lembah Klang kerana golongan ini mudah terjejas dan terancam. Pelaksanaan PKP menyebabkan kadar kemiskinan negara meningkat 8.4% pada tahun 2020 berbanding 5.6 % pada tahun 2019. Oleh itu, kajian rintis ini membantu pengkaji membentuk kajian sebenar yang sah dan bolehpercayaan. Jika kajian sebenar berjaya dilakukan maka kajian ini dapat membantu pihak berwajib menambahbaik kaedah pelaksanaan yang sedia ada agar dapat mencapai hasrat kerajaan dan Sustainable Development Goals (SDG) bagi matlamat bangunan mampan mencapai sifar miskin yang dirancang pada tahun 2025.

PILOT STUDY ON THE IMPACT OF THE COVID-19 PANDEMIC ON THE STANDARD OF LIVING OF HOUSEHOLD B40

Abstract

This paper aims to explore a small-scale sample to be used in a real study titled a pilot study on the impact of the COVID-19 pandemic on the standard of living of B40 households. Thus, this study aims to validate the instrument and determine the impact of the spread of the COVID-19 pandemic on the economic standard of living of B40 Malay households living in the Klang Valley as well as targeted assistance by the government to this group. The methodology of this study uses a quantitative method by using the Statistical Packages for The Social Sciences (SPSS) program version 25 to see the level of Cronbach's Alpha. B40 households in the Klang Valley were involved in this pilot study through questionnaire data of a total of 50 households. The reliability level of this questionnaire is 0.806, which is a very good and effective level of reliability with a high level of consistency. The results of the study found that the COVID-19 pandemic has had a major impact on the standard of living and the economic well-being of the Malay B40 group in the Klang Valley because this group is easily affected and threatened. The implementation of the MCO caused the country's poverty rate to increase by 8.4% in 2020 compared to 5.6% in 2019. Therefore, this pilot study helps the researcher form a valid and reliable real study. If the actual study is successfully carried out, then this study can help the authorities to improve the existing implementation method in order to achieve the government's wishes and the Sustainable Development Goals (SDG) for the sustainable building goal of reaching zero poverty which is planned in 2025.

Keywords: Pandemic, COVID-19, Standard of Living, Household B40

PENGENALAN

Ancaman penularan COVID-19 telah meninggalkan kesan dan perubahan yang mendalam dalam kehidupan semua manusia. Namun, tamparan paling perit dirasai ketika ini adalah golongan miskin dan rentan. Antara golongan yang terkesan adalah isi rumah B40 kerana mereka mempunyai hanya sedikit atau tiada langsung wang simpanan, kehilangan kerja, terpaksa mengambil cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji berikutan perintah kawalan pergerakan (PKP) dan mengakibatkan aktiviti ekonomi tidak dapat dijalankan. Pelaksanaan PKP merupakan satu tindakan pencegahan penularan awal dengan memutuskan rantaian COVID-19 terutamanya kepada pesakit yang dijangkiti daripada kontak yang tidak dikenali. Namun, kesan tersebut memberi banyak kesusahan kepada pihak yang tidak bernasib baik. Tumpuan diberikan kepada kawasan bandar atau kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi. Impak daripada pandemik COVID-19 bukan sahaja tertumpu kepada ekonomi negara malahan ia juga memberi kesan kepada aspek sosial dan taraf hidup penduduk. Penduduk mengalami perubahan gaya hidup harian berbanding kehidupan sebelumnya seperti pekerjaan yang boleh menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan. Pandemik COVID-19 adalah masalah global dan pelbagai usaha diambil oleh kerajaan dalam menanganinya. PKP di Malaysia telah menunjukkan kesan positif dan pematuhan rakyat melebihi 95 peratus. Pelanjutan PKP dalam mengekang penularan wabak COVID-19 amat penting dalam memastikan kesihatan penduduk bebas dari jangkitan itu, namun ia akan memberikan impak negatif kepada ekonomi penduduk secara keseluruhan.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengesahkan instrumen soal selidik terhadap impak pandemik COVID-19 ke atas taraf hidup golongan B40 di bandar Lembah Klang. Manakala objektif kedua ialah mengesahkan instrumen sejauh mana kadar penerimaan bantuan daripada kerajaan yang disasarkan kepada golongan ini. Golongan B40 kian terbeban dengan kos sara hidup yang meningkat dan ditambah kesan penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Azmizam & Madeline, 2021). Pakar ekonomi berpendapat golongan B40 paling berisiko muflis kerana mereka berada dalam kategori paling lambat untuk pulih (Nurul Huda 2021). Selain itu, golongan isi rumah B40 Melayu antara paling ramai di Lembah Klang (DOSM 2019). Daripada 100 isi rumah kaum Bumiputera, 67 dalam kelompok miskin (B40) dan hanya 6 adalah kelompok kaya di kelompok T20 (Ragananthini Vethasalam et al., 2020). Segelintir mereka hilang punca pendapatan terutama peniaga kecil-kecilan yang tidak dapat menjalankan perniagaan ketika PKP. Peningkatan kos sara hidup di bandar menjadi masalah utama kepada golongan ini ketika pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan PKP. Keadaan menjadi sukar

dengan kenaikan harga barang ketika pandemik. Kenaikan harga barang dikatakan tidak seiring kadar peningkatan gaji dan upah. Ini kerana terdapat segelintir golongan ini masih gagal dalam menentukan kehendak dan keperluan dalam berbelanja lebih-lebih lagi ketika negara berada dalam ujian pandemik ini. Justeru, adalah amat penting bagi pengkaji dalam membantu pihak terbabit contoh kerajaan mendapatkan data dan informasi yang lengkap dalam membantu untuk menentukan tahap impak pandemik COVID-19 ke atas golongan B40 berkaitan isu taraf hidup yang tepat melalui dapatan yang diperolehi.

KAJIAN LEPAS

Konsep Golongan Isi Rumah B40

Kelas pendapatan isi rumah boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu isi rumah yang memperolehi pendapatan 40 peratus terendah, daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (B40). Isi rumah yang memperolehi pendapatan 41 peratus kepada 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (M40), dan Isi rumah yang memperolehi pendapatan 20 peratus tertinggi daripada jumlah keseluruhan pendapatan rakyat Malaysia (T20) (Chamhuri Siwar et al., 2019). Kumpulan B40 terdiri daripada 2.78 juta isi rumah yang dirujuk kepada isi rumah berpendapatan 4,850 sebulan ke bawah tersenarai dalam kumpulan melibatkan B40 di Malaysia untuk tahun 2021 ini (Khazanah Research Institute, 2021).

Pandemik COVID-19 ke atas Kumpulan B40

Pandemik COVID-19 memberi impak yang besar dan berbahaya kepada ekonomi negara. Virus COVID-19 tidak mengenal sesiapa. Secara umumnya, kajian menunjukkan bahawa virus ini semakin meningkat sehingga ke peringkat global dan ditambah dengan kemunculan virus baharu yang bermutasi pantas seperti varian Delta dan Omicron. Jangkitan kes COVID-19 melanda Malaysia kini, disifatkannya sebagai krisis kesihatan, namun bertukar menjadi krisis ekonomi yang menyeluruh. Pada tahun 2020, hutang negara bertambah disebabkan krisis ini. Pihak berkuasa negara ini bertungkus lumus memulihkan ekonomi dan memastikan kesan buruk ekonomi dapat diminimalkan. Strategi utama yang digunakan ialah melalui pakej rangsangan ekonomi dengan menyalur pelbagai bantuan kewangan kepada rakyat yang terkesan. Ia bukan sahaja disebabkan kehilangan punca pendapatan atau pemotongan gaji dan sebagainya, tetapi juga tidak ada simpanan yang mencukupi dalam memastikan kelangsungan kehidupan (Irmohizam Ibrahim, 2021).

Oleh kerana pandemik COVID-19 seolah-olah tidak berpenghujung dan berkesudahan, menyebabkan ramai pihak merasa bimbang dengan situasi ini, terutama golongan yang berpendapatan rendah. Kadar kemiskinan juga meningkat disebabkan ekonomi yang mengucup dan kehilangan pekerjaan (Mohd Hafiz Ismail, 2020). Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin bahawa penularan pandemik COVID-19 memberi impak luar jangka kepada pengurangan pendapatan isi rumah. Pengurangan pendapatan ini bukan sahaja akibat kehilangan pekerjaan malahan pengurangan jam bekerja terutamanya mereka yang bekerja sendiri. Cabaran golongan B40 yang lain ialah kos sara hidup, kenaikan harga barang keperluan asas makanan, keberhutangan yang tinggi, sumber pendapatan yang rendah serta simpanan yang kurang. Pendapatan yang rendah merupakan salah satu sebab wujudnya kemiskinan B40 terutama Melayu (Aza Shahnaz 2017). Mohd. Uzir Mahidin, ketua Ketua Perangkawan Malaysia telah memperincikan golongan B40 kepada kumpulan B1, B2, B3 dan B4. Kumpulan B40 pertama bagi kategori B1 memperoleh pendapatan bawah RM2500, kedua, kategori B2 memperoleh pendapatan RM2501 hingga RM3169, ketiga, B3 memperoleh pendapatan RM3170 hingga RM3969 dan terakhir B4 memperoleh pendapatan RM3970 hingga RM4849. Golongan B40 paling terkesan ketika COVID-19 kerana pendapatan mereka terjejas disebabkan diberhentikan kerja, diminta bercuti tanpa gaji atau tidak dapat bekerja akibat Perintah Kawalan Pergerakan (Zanariah Abd. Mutalib, 2020). Selain itu, ketidakpadanan gaji pekerja dan kos sara hidup merupakan isu yang sudah lama dan semestinya mempunyai penyelesaian terhadap permasalahan ini. Golongan ini juga menghadapi isu keberhutangan yang tinggi. Menyesuaikan gaya hidup dengan situasi kewangan sangat penting kerana ia boleh mengelak diri daripada terjebak dengan hutang.

Berdasarkan kajian daripada Bank Negara Malaysia (2013) mendapati kumpulan isi rumah berpendapatan rendah terdedah kepada isu kos sara hidup terutama mereka yang tinggal di bandar besar. Peningkatan kos sara hidup berlaku kerana peningkatan pendapatan individu tidak dapat menampung peningkatan harga barangan atau perkhidmatan. Kos sara hidup di Malaysia dikatakan jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Walau bagaimanapun, perlu sedar bahawa nilai gaji yang diterima di Malaysia juga adalah lebih rendah berbanding negara-negara lain (Juliza, 2014). Kenaikan kos sara hidup ini memberikan impak yang berbeza-beza mengikut tingkat pendapatan isi rumah. Terdapat banyak kajian dijalankan oleh pengkaji lepas yang mengesahkan bahawa pandemik seperti COVID-19 sememangnya mendatangkan pelbagai impak kepada masyarakat terutama kos sara hidup. Faktor utama kepada kenaikan kos sara hidup kerana faktor pendapatan yang rendah serta peningkatan taraf hidup semasa impak pandemik COVID-19. Menurut Chiew (2018), golongan berpendapatan rendah dikatakan lebih mudah terjejas terhadap risiko kerana kemampuan kewangan serta tahap simpanan yang rendah. Malahan, golongan berpendapatan rendah amat sukar untuk kembali kepada kedudukan kewangan yang asal sekiranya sesuatu krisis berlaku, terutamanya yang melibatkan wang simpanan yang besar (Cohen, 2006; Sebtad, 2006). Hal ini kerana, golongan B40 mungkin mempunyai simpanan yang kecil atau tidak mempunyai simpanan langsung ketika kecemasan. Menurut pakar pengurusan kewangan bahawa setiap individu mahupun keluarga perlu mempunyai sekurang-kurangnya tiga hingga enam bulan perbelanjaan atau pendapatan diterima yang dapat dijadikan sebagai simpanan kecemasan. Tambahan keadaan ini bertambah sukar kepada golongan berpendapatan rendah tinggal di bandar besar. Contohnya, jika sesebuah isi rumah berpendapatan RM1,200 sebulan dan tinggal di Kuala Lumpur tetapi jumlah pendapatan untuk membeli keperluan asas minimum adalah sebanyak RM2,206, adakah keadaan sebegini wajar dan masuk akal? Ini kerana gaji yang diterima mereka tidak sepadan dengan kos sara hidup. Kos sara hidup yang semakin meningkat kesan daripada ketidakpastian ekonomi dan peningkatan harga barang dan perkhidmatan memberikan tekanan kepada golongan B40 (Che Rose & Mutsamy 2020). Menurut Hakimi Ismail (2022) kenaikan harga barang dan peningkatan kos bahan mentah pada tahun 2022 disebabkan impak pandemik COVID-19. Hasil laporan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyatakan bahawa terdapat laporan peniaga menyorok barang menjadi punca kenaikan harga. Terdapat segelintir pengeluar dan pemborong yang sanggup untuk berbuat demikian. Perbuatan menyorok barang ini menunjukkan ketandusan akhlak dan etika dalam perniagaan lebih-lebih lagi ketika rakyat negara ini berada dalam pandemik COVID-19.

Menurut Wahab et al. (2018)) pula ada membincangkan faktor taraf kehidupan dan corak perbelanjaan. Menurut mereka, taraf kehidupan yang tinggi di bandar menyebabkan corak perbelanjaan isi rumah turut berubah menjadi lebih tinggi, sekaligus menjadikan kos sara hidup di bandar lebih tinggi. Chamhuri Siwar dan M. Kasim (2013) juga dalam membincangkan isu urbanisasi, turut menyatakan bahawa dalam mengukur garisan kemiskinan, beberapa perkara selain pendapatan turut perlu diambil kira. Contohnya, bilangan isi rumah dan lokasi tempat tinggal. Garisan Kemiskinan ini melambangkan kumpulan isi rumah menghadapi risiko dan kesukaran dalam menampung keperluan harian dan peningkatan kos sara hidup. Golongan B40 kian terbeban dengan kos sara hidup meningkat ditambah kesan penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Nurul Husna 2021). Peningkatan kos sara hidup itu bakal memberi tekanan berlipat kali ganda terhadap ekonomi negara (Hakimi Ismail, 2022). Cabaran isi rumah B40 terpaksa memasang bendera putih untuk memohon bantuan bekalan asas (Hafidzul Hilmi & Nurul Hidayah, 2021). Strategi jangka pendek dan panjang perlu dilaksanakan dan diperhalusi oleh kerajaan bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup isi rumah yang terjejas antaranya golongan B40 dan miskin.

KAJIAN RINTIS

Kajian rintis ditakrifkan dalam dua cara berbeza dalam penyelidikan sains sosial sama ada ianya ujian sampel kecil atau ujian percubaan sebelum meneruskan pengumpulan data sebenar (Polit et al., 2001). Terdapat sedikit justifikasi pada penyelidikan terdahulu mengenai saiz sampel. Billingham et al., (2013) berpendapat bahawa sesetengah kajian tidak memerlukan pengiraan saiz sampel. Namun, kebanyakan penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji sains sosial memang mempunyai saiz sampel untuk ujian

rintis mereka. Sebagai contoh, dalam kajian oleh Baker (1994), ia adalah mencukupi untuk mempunyai 10-20% dalam saiz sampel daripada saiz data sebenar. Malhotra (2008) mengesyorkan saiz sampel untuk pra ujian adalah biasanya kecil, antara 15-30 responden tetapi meningkat dengan ketara jika ujian melibatkan beberapa peringkat.

Satu set soal selidik yang terdiri 25 item dan daripadanya mempunyai tiga bahagian digunakan untuk mengumpulkan data kajian. Bahagian A ialah soal selidik ini terdiri daripada maklumat demografi responden. Bahagian B ialah soal selidik yang mengandungi maklumat berkaitan isu taraf hidup dari segi pendapatan dan perbelanjaan. Manakala bahagian C merujuk kepada bantuan bersasar daripada bantuan kerajaan untuk golongan B40. Hasil kebolehpercayaan tersebut, beberapa penambahbaikan dilakukan ke atas makna atau ungkapan, penambahan contoh yang sesuai serta ayat yang mudah dan ringkas bagi setiap item soal selidik. Oleh itu, seramai 50 responden berjaya menjawab borang soal selidik telah diedarkan kepada responden melalui kaedah online dengan meminta responden mengisi butiran mereka dan jawapan item soal selidik di aplikasi *Google Form* digunakan sebagai data primer semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan 2021 yang melibatkan kelompok etnik Melayu sahaja di Lembah Klang. Bentuk data yang dilakukan tersebut ialah data bertaburan tidak normal. Maklum balas daripada responden sangat memuaskan. Menurut Sekaran dan Bougie (2010) ujian antara item yang paling popular kebolehpercayaan ketekalan ialah pekali Cronbach Alpha. Dalam kajian ini juga akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian sebenar untuk membina soal selidik yang betul, istilah yang kesesuaian, susunan item dan susunan pilihan dalam setiap item. Subjek kajian rintis juga diambil daripada populasi dan tidak diletakkan balik ke dalam populasi untuk kajian sebenar. Oleh itu, ujian Cronbach Alpha digunakan dalam kajian ini untuk mengukur ketekalan dalaman instrumen. Data itu adalah dianalisis menggunakan SPSS versi 25. Sebelum pengedaran borang soal selidik dilakukan, draf atau rangka soal selidik ini diserahkan kepada pakar dan responden terlebih dahulu untuk kandungan kesahan soal selidik. Atas sebab ini, kadar respon daripada responden adalah sangat baik. Oleh itu, kepentingan kajian rintis sebenarnya adalah penting untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kajian (Teijlingen et al., 2001).

Pengkaji juga bertanggungjawab menjalankan ujian rintis sebelum meneruskan kepada data sebenar. Salah satu daripada kelebihan ialah keputusan daripada ujian rintis akan memberikan petunjuk awal data sebenar proses dan hasil. Pengkaji boleh menangani beberapa masalah yang mungkin berlaku semasa pengumpulan data sebenar. Protokol mungkin berbeza dengan proses data sebenar dan pengkaji mungkin menyedari proses sebelum meneruskan pengumpulan data sebenar.

METODOLOGI

Sampel Kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden untuk mendapatkan data secara kuantitatif berdasarkan objektif kajian. Reka bentuk kajian soalan selidik dipilih disebabkan bentuk kajian ini dapat digunakan secara menyeluruh untuk menyatakan pelbagai jenis soalan seperti isu dan masalah terutama menghuraikan sikap, pandangan, perasaan dan tingkah laku responden (Chua 2006). Rozmi (2016) menyatakan penyelidikan survey adalah metod tinjauan sosial atau kemasyarakatan yang mampu meneliti dan mengkaji banyak aspek dalam dunia sosial dan tingkah laku manusia seperti tingkah laku, nilai, sikap, kepercayaan, persepsi di samping jangkaan dan ramalan terhadap kefahaman, fenomena, tahap pengetahuan, kegemaran dan lain-lain (Neuman 2014). Pada kebiasaannya, bilangan sampel kajian rintis tidak memerlukan jumlah sampel yang ramai. Menurut pandangan Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel minimum yang dipilih adalah seramai 30 hingga orang sahaja. Manakala Chua jumlah (2006) bilangannya hanya 30 hingga 50 orang sudah memadai bagi melakukan kajian rintis. Kajian rintis yang dijalankan ini mengambil responden seramai 50 orang terdiri daripada 14 lelaki dan 36 wanita Melayu. Responden kajian rintis ini dipilih berdasarkan mereka yang terkesan dengan kos sara hidup yang melibatkan pendapatan dan perbelanjaan golongan B40 Melayu di Lembah Klang ketika impak pandemik COVID-19. Kajian ini juga turut mengkaji tentang bantuan bersasar kerajaan yang telah diterima oleh golongan ini.

Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji, iaitu golongan isi rumah B40 yang tinggal di Lembah Klang yang dijalankan pada 2021 ketika Malaysia mengadakan sekatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pengkaji memilih golongan isi rumah B40 yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah di sekitar Putra Perdana Sepang Selangor. Pengkaji memilih responden di sekitar tersebut kerana kebanyakan mereka bekerja sendiri dan swasta untuk memudahkan pengkaji membuat penilaian.

Borang soal selidik dibina berdasarkan soal selidik yang telah dibina oleh Zuriani et al. (2022). Dalam kajian lalu tersebut pengkaji menggunakan teori daripada Alkire dan Santos (2014) dan Chamhuri Siwar (2015) yang melibatkan kaedah pengukuran kemiskinan multidimensi yang mengukur konstruk pendidikan, kesihatan, pemilikan rumah, taraf hidup serta bantuan bersasar. Instrumen daripada pengkaji tersebut bersesuaian dengan kajian pengkaji, namun pengkaji melakukan sedikit pengubahsuaian berikutan terdapat perbezaan sasaran yang dipilih. Sasaran penyelidikan Zuriani et al. (2021) adalah impak pandemik COVID-19 terhadap ekonomi isi rumah B40 di Lembah Klang, manakala sasaran pengkaji bagi kajian ini berdasarkan kepada kajian rintis yang melibatkan impak COVID-19 terhadap golongan B40 Melayu di pinggiran bandar daerah Sepang Selangor sahaja berdasarkan kepada taraf hidup dan bantuan bersasar kerajaan sahaja mereka. Taburan borang soal selidik dibahagikan kepada dua iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C. Bahagian A mengenai demografi responden, manakala bahagian B menumpukan kepada impak pandemik ke atas isu taraf hidup B40 dan bahagian C ialah bantuan bersasar kepada golongan B40 yang terjejas ketika pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan skala likert dengan 4 pilihan jawapan.

ANALISIS

Latar Belakang Responden

Bahagian A membincangkan latar belakang responden yang terdiri daripada golongan isi rumah B40 di Putra perdana daerah Sepang Selangor yang melibatkan kaum Melayu. Seramai 50 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 14 orang lelaki dan 36 orang perempuan telah menjawab soal selidik ini berumur di antara 21 tahun sehingga 60 tahun. Melalui status perkahwinan terdapat 44 orang telah berkahwin dan 6 orang daripadanya berstatus janda. Manakala jenis kediaman menunjukkan 36 orang memiliki rumah kos rendah dan 14 orang adalah kos sederhana. Status kediaman antaranya ialah menyewa rumah sebanyak 19 orang, 16 orang rumah hakmilik kekal dan 15 orang adalah mempunyai rumah sendiri. Seterusnya taraf pendidikan menunjukkan majoriti adalah mereka ramai berkelulusan SPM/SMPV dan selebihnya 14 orang memiliki ijazah sarjana muda, 10 orang Diploma, sijil 5 orang, 3 orang mempunyai PMR dan seorang sahaja memiliki ijazah sarjana. Jarak ke pusat kesihatan menunjukkan 37 orang tinggal kurang <10KM, 12 orang dengan jarak 11-20KM dan 1 orang sahaja yang tinggal dengan jarak lebih 21-30KM. Sektor pekerjaan responden sebelum pandemik juga menunjukkan 16 orang swasta, 14 orang tidak bekerja, 11 orang sektor kerajaan dan 9 orang bekerja sendiri. Tanggungan responden menunjukkan 1-2 orang antara paling ramai iaitu orang, tanggungan 3-4 seramai 17 orang, tanggungan 5-6 seramai 6 orang dan 7-9 seramai 6 orang. Seterusnya, pekerjaan pasangan responden sebelum pandemik COVID-19 ialah 2 orang kerajaan, 20 swasta, 12 bekerja sendiri, 9 tidak bekerja dan 7 tidak berkaitan. Kebanyakan responden terdiri daripada mereka yang berpendapatan <4,850 ke bawah seramai 46 orang dan 4 orang tiada pendapatan. Kesemua mereka sebelum pandemik COVID-19, mempunyai pendapatan dengan <RM4,850 ke bawah dan masih boleh meneruskan hidup di bandar.

Kebolehpercayaan Instrumen

Manakala, kajian rintis dilakukan ini untuk menilai kebolehpercayaan dan ketekalan soal selidik kajian melalui nilai pekali indeks *Cronbach's Alpha* yang boleh diterima pakai dalam kajian sebenar. Nilai Alpha Cronbach dalam mentaksir kebolehterimaan instrumen kajian adalah berpandukan Bond dan Fox, (2015). Menurut pandangan Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel minimum yang dipilih adalah seramai 30 hingga orang sahaja. Oleh itu, jadual 1 menunjukkan seperti berikut:

Jadual 1. Jadual Interpretasi Skor Cronbach Alpha

Skor Alpha Cronbach's	Tahap Kebolehpercayaan
0.8 hingga 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7 hingga 0.8	Baik dan boleh diterima
0.6 hingga 0.7	Boleh diterima
<0.6	Item perlu dibaiki
<0,5	Item perlu digugurkan

Sumber: Bond & Fox (2015)

Hasil analisis mendapati nilai pekali *Cronbach's Alpha* kajian ini secara keseluruhannya 25 item dengan kebolehpercayaan sebanyak 0.806. Justeru, ini merupakan nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana Bond & Fox (2015). Merujuk impak pandemik COVID-19 ke atas taraf hidup golongan Melayu B40 merujuk kepada skor min antara (3.51 hingga 4.00) adalah tahap kepatuhan yang tinggi, manakala (2.51 sehingga 3.50) tahap kepatuhan sederhana dan yang terakhir (1.00 hingga 2.50) tahap kepatuhan yang rendah. Hasil keseluruhan, jadual 2 mendapati nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh adalah tinggi, efektif dan konsisten bagi setiap dimensi sekaligus boleh digunakan dalam penyelidikan sebenar.

Intrumen kajian dilaporkan boleh percaya apabila nilai korelasi (r) bersamamaan dengan .70 dan ke atas. Jika nilainya kurang daripada .70, item-item intrumen kajian terpaksa diubahsuai semula.

Jadual 2. Alpha Cronbach mengikut Nilai Pekali Kebolehpercayaan Item

Pembolehubah	Item	Nilai alpha (a)	Tahap
Taraf Hidup	12	.748	Baik dan boleh diterima
Bantuan	13	.793	Baik dan boleh diterima
Keseluruhan	25	.806	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi

Sumber: Bond & Fox (2015)

HASIL KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menguji tahap kebolehpercayaan antara taraf hidup B40 serta bantuan bersasr yang diterima oleh mereka ketika pandemik COVID-19 tahun 2021. Dapatan kajian menunjukkan tahap ketekalan awal kebolehpercayaan ini berada pada tahap yang tinggi. Nilai kebolehpercayaan untuk pembolehubah taraf hidup diperoleh sebanyak .748 yang menunjukkan tahap yang baik dan boleh diterima. Melalui jumlah item yang diuji sebanyak 12 item sahaja. Manakala nilai kebolehpercayaan untuk pembolehubah bantuan bersasar yang diterima oleh isi rumah B40 ialah .793 sahaja dan keseluruhannya ialah .805 kebolehpercayaan item mengikut Cronbach Alpha. Sebelum analisis tersebut dilakukan, beberapa item soal selidik dalam ujian kedua telah diperbaiki dan diubahsuai. Item tersebut perlu dibaiki untuk mendapatkan nilai yang boleh diterima dalam instrumen soal selidik (Zarith Nur Zahrah, 2013).

Impak Pandemik COVID-19 terhadap Taraf Hidup Isi Rumah B40

Jadual 3 mempunyai dua belas item yang telah diuji. Hasil soal selidik mendapati bahawa skor nilai min yang paling tinggi dalam konstruk taraf hidup ialah pada item keenam (3.36) yang merujuk kepada pernyataan 'pendapatan dan perbelanjaan bulanan saya diperuntukkan juga untuk perkara kecemasan'. Manakala item kelima menunjukkan skor min (3.30) tahap sederhana 'saya membeli barang keperluan harian sahaja sebagai langkah untuk penjimatan. Selain itu, skor min seterusnya menunjukkan pada tahap sederhana dengan nilai yang paling rendah adalah (2.56) pada item kesebelas yang merujuk kepada 'impak pandemik telah membuka ruang kepada punca rezeki saya dan keluarga'. Oleh itu, dapatan kajian mendapati bahawa COVID-19 bukan semata-mata memberi impak buruk kepada ekonomi namun ianya juga memberi kesan yang baik kepada golongan rentan kerana ada antara mereka memperoleh manfaat dengan memperoleh pendapatan yang baik sewaktu dilanda pandemik COVID-19. Oleh itu, tidak semua perkara yang berlaku disebabkan wabak membawa banyak musibah yang buruk kepada golongan berpendapatan rendah. Jika mereka berani dan bijak dalam menghadapi cabaran dan kecemasan yang mendesak berlaku dalam kehidupan mereka, maka ianya mampu ditangani dengan baik. Justeru, item kesebelas ini berlaku sebaliknya kerana dapatan menunjukkan bahawa impak pandemik COVID-19 ianya tidak semestinya membawa banyak kesan buruk kepada pendapatan mereka. Menurut kajian Khairul Hisyam (2021) bahawa ramai kalangan B40 memperolehi bantuan daripada kerajaan, swasta dan NGO di Malaysia yang perihatin kepada golongan ini. Ramai kalangan B40 mendapat peluang untuk menceburi ilmu baharu seperti penggunaan e-dagang, bantuan pemasaran produk, pengecualian bayaran hutang atau premis perniagaan yang berniaga untuk PKS, subsidi upah, tambahan bayaran elaun dan mewujudkan platform perniagaan baru contoh e-bazar.

Jadual 3. Impak Pandemik COVID-19 terhadap Taraf Hidup B40 di Lembah Klang

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Pendapatan saya sekarang mencukupi untuk kehidupan keluarga saya semasa pandemik.	2.90	Sederhana
2	Perbelanjaan saya semakin meningkat sejak diarahkan bekerja dari rumah.	2.80	Sederhana
3	Saya membuat kerja lebih masa untuk menampung kehidupan keluarga saya.	2.72	Sederhana
4	Saya masih mampu untuk meneruskan kehidupan walaupun pendapatan saya merosot ketika pandemik	3.18	Sederhana
5	Saya membeli barang keperluan harian sahaja sebagai langkah untuk penjimatan.	3.30	Sederhana
6	Pendapatan dan perbelanjaan bulanan saya diperuntukkan juga untuk perkara kecemasan.	3.36	Sederhana
7	Perbelanjaan saya melebihi pendapatan yang sedia ada dan membawa kepada masalah hutang.	2.68	Sederhana
8	Saya mempunyai simpanan untuk kegunaan di waktu yang diperlukan.	2.96	Sederhana
9	Saya mewujudkan tabung kecemasan sebagai langkah menghadapi cabaran yang tidak diduga.	2.88	Sederhana
10	Saya rasa perlu untuk mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi sama ada secara offline atau online.	2.90	Sederhana
11	Impak pandemik telah membuka ruang kepada punca rezeki saya dan keluarga.	2.56	Sederhana
12	Impak pandemik menyukarkan kehidupan saya mencari dan menambah pendapatan keluarga.	2.84	Sederhana

Sumber: Soal Selidik (2021)

Impak Pandemik COVID-19 terhadap Bantuan Bersasar Isi Rumah B40

Jadual 4 mempunyai tiga belas item ke atas isu bantuan bersasar B40 di Lembah Klang sebagai satu topik yang penting yang dibincangkan dalam objektif kajian ini. Hasil soal selidik mendapati bahawa skor nilai min tinggi ditunjukkan oleh item dua belas iaitu (3.26) merujuk kepada pernyataan 'saya memperoleh Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) secara berfasa ketika pandemik'. Manakala skor nilai min yang paling rendah iaitu (1.86) ditunjukkan oleh item tiga belas yang merujuk kepada pernyataan 'saya mendapat Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) kerana diberhentikan kerja akibat pandemik'. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa min yang tinggi tidak diperoleh untuk kajian berkaitan isu bantuan bersasar. Penularan pandemik COVID-19 memberi impak luar jangka kepada pendapatan isi rumah dan mengubah struktur kumpulan isi rumah B40 di Lembah Klang.

Oleh itu, hasil kajian menunjukkan golongan ini ada yang memperoleh dan tidak bantuan bersasar daripada kerajaan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) secara berfasa ketika pandemik. Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) mendapati bahawa disebabkan oleh wabak COVID-19, hampir 50% rakyat Malaysia yang bekerja sendiri kehilangan pekerjaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Terdapat pelbagai usaha, perhatian khusus dan program bantuan kewangan sebagai tindak balas impak pandemik COVID-19 ke atas ekonomi negara ini. Pada 27 Mac 2020, Bekas Perdana Menteri Muhyidin Yassin telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi yang dikenali sebagai Prihatin bernilai RM250 bilion. Namun di item 13 paling rendah dengan skor min iaitu (1.86) kurang mendapat bantuan daripada Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) kerana diberhentikan kerja akibat pandemik. Manakala bantuan-bantuan lain ada menunjukkan skor yang sederhana dan rendah. Menurut Pakar Ekonomi Datuk Dr Madeline Berma bahawa Bantuan bersasar seperti pemberian wang tunai dan perlindungan sosial kepada mereka yang layak, khususnya golongan B40 perlu diteruskan untuk satu tempoh jangka masa tertentu.

Jadual 4. Impak Pandemik COVID-19 terhadap Bantuan Bersasar B40 di Lembah Klang

Bil	Penyataan	Nilai Min	Tahap
1	Saya mendapat bantuan pendidikan atau persekolahan anak-anak daripada kerajaan ketika pandemik.	2.46	Sederhana
2	Saya mendapat Skim Peduli Kesihatan (PeKa) sebagai inisiatif yang bersasar.	2.04	Rendah
3	Saya mendapat bantuan mySalam sebagai anisiatif yang bermanfaat apabila dimasukkan ke hospital kerana jangkitan COVID-19.	1.94	Rendah
4	Saya mendapat pengecualian dan penangguhan bayaran bulanan sewa rumah.	1.88	Rendah
5	Saya mendapat Bantuan COVID-19 Khas (BKC) ketika pandemik.	2.90	Sederhana
6	Saya menggunakan kemudahan Moratorium pinjaman bank ketika pandemik berlaku.	2.54	Sederhana
7	Saya mendapat kuota DATA internet percuma melalui rangkaian mudah alih YES 4G bagi kemudahan pendidikan anak.	2.24	Rendah
8	Saya mendapat diskaun bil elektrik sepanjang tempoh pandemik.	2.66	Sederhana
9	Saya menggunakan kemudahan pengeluaran KWSP dan i-Sinar bagi menampung perbelanjaan semasa pandemik.	2.84	Sederhana
10	Saya mendapat inisiatif bantuan kerajaan melalui Skim Jaringan Prihatin Rakyat.	2.98	Sederhana
11	Saya memperoleh bantuan bakul makanan ketika pandemik.	2.52	Sederhana
12	Saya memperoleh Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) secara berfasa ketika pandemik.	3.26	Sederhana
13	Saya mendapat Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) kerana diberhentikan kerja akibat pandemik	1.86	Rendah

Sumber: Soal Selidik (2021)

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini boleh memberikan pengalaman baru dan penumpuan kepada pengkaji terhadap kaedah yang lebih terperinci untuk membentuk dan membina soal selidik yang lebih baik dan efisien pada masa akan datang terhadap tahap kebolehppercayaan instrumen soal selidik. Dengan mengkaji taraf hidup golongan ini dengan menggunakan soal selidik yang diedar kepada responden, pengkaji akan memperoleh dapatan kajian untuk membuat penilaian sama ada COVID-19 memberi impak yang besar atau tidak kepada ekonomi rakyat yang berpendapatan rendah di lokasi yang dikaji. Peringkat kajian rintis ini instrument yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini bertujuan mengenalpasti dan membentuk jenis-jenis impak yang boleh dikenalpasti berdasarkan teori yang digunakan untuk mengukur kemiskinan multidimensi dalam kalangan masyarakat rentan dan tidak bernasib baik amnya di Lembah Klang. Jika impak COVID-19 meninggalkan kesan yang buruk kepada ekonomi Malaysia maka corak perbelanjaan isi rumah perlu dinilai semula dan langkah-langkah yang bersesuaian perlu dilakukan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh *University Research Grant (URG)* (KUPTM 2020 -2021). Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam kajian ini di atas bantuan yang diberikan bagi menyiapkan artikel ini terutamanya semasa proses pengumpulan data.

RUJUKAN

- Alkire, S. and Santos, M. E. (2014). 'Measuring Acute Poverty in the Developing World: Robustness and Scope of the Multidimensional Poverty Index'. *World Development*, 59: 251–274
- Aza Shahnaz Azman Nur Khanifah Nor Azmal Fadilah Mat Nor. (2017). Kemiskinan relatif di kalangan wanita: Kajian di Banting Selangor. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK) 2017.
- Azmizam Abdul Rashid dan Madeline Berma. (2021). Kesan Pandemik Beri Dimensi Baharu Kemiskinan Bandar. Diambil daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/05/819444/kesan-pandemik-beri-dimensi-baharu-kemiskinan-bandar>. Diakses pada 22 Mei 2021.
- Baker, T. L. (1994). *Doing social research*. 2nd ed. New York: McGraw- Hill Inc
- Bank Negara Malaysia. (2013). *The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups* The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups (Working Paper Series: WP2/2013).
- Billingham, S.; Whitehead, A. L.; Julious, S. A. (2013). An audit of sample sizes for pilot and feasibility trials being undertaken in the United Kingdom registered in the United Kingdom Clinical Research Network database, *BMC Medical Research Methodology*
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences* (3rd ed.). Mahwah, NJ: L. Erlbaum.
- Che Rose, R.A. & Mutsamy, R. (2020). Kenaikan Harga Barangan Dan Impaknya Terhadap Penduduk B40 Di Muar, Johor. *Asian People Journal (APJ)* 3(2): 106–121.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2020). *Mastering Research Methods* (3rd ed.). McGraw-Hill Education.
- Chamhuri Siwar. (2013). Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chamhuri, S., Mohd Khairi, Nur Ashikin, Siti Zalikha. (2019). Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) di Malaysia: Mengenal Pasti Trend, Ciri, Isu dan Cabaran. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI). Universiti kebangsaan Malaysia.
- Chiew, H. L. (2018). *Expanding insurance and takaful solutions for the underserved segment*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
-

- Creswell, J. W. (2009). *Research design qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Lincoln: University of Nebraska.
- Cohen, M., Sebstad, J. (2006). The Demand for Micro-Insurance. In Churchill, C. (Ed.), *Protecting the Poor: A Micro-Insurance Compendium*. Geneva, Switzerland: International Labour Office.
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor dan Nurul Hidayah Bahaudi. (2021). Bendera putih 'selamatkan'keluarga terputus bekalan. Berita Harian Metro Online. Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/07/726527/bendera-putih-selamatkan-keluarga-terputus-bekalan>. Diakses pada 5 Julai 2021.
- Hakimi Ismail. (2022). Situasi Semasa Punca Kenaikan Harga Barang. Diambil daripada <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/situasi-semasa-punca-kenaikan-harga-barang/>. Diakses pada 8 Mac 2022./
- Ibhrim, Z., Muda, Z., Zur Raffar, I. N. A., Abdul Aziz, S., & Zainuddin, M. (2022). the Impact of the Covid-19 Pandemic on the Economic Well-Being of B40 Households: a Pilot Study. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 7(39), 39–52. <https://doi.org/10.55573/IJAFB.073905>
- Irmohizam Ibrahim. (2021). COVID 19: Menguji daya tahan simpanan rakyat. Di ambil daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-menguji-daya-tahan-simpanan-rakyat-297519>. . Di akses pada 11 Mei 2021.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Buku tahunan perangkaan. Malaysia: Percetakan Nasional
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Buku tahunan perangkaan. Malaysia: Percetakan Nasional.
- Johanson, G.A. & Brooks, G.P. (2010). Initial scale development: sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement* 70(3): 394-400
- Juliza Sabstu. (2014). Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat. Diambil daripada <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-44/44-3.pdf>.
- Malhotra, N.K. (2008). *Essentials of marketing: An applied orientation* (2nd ed.). Australia: Pearson Education
- Mohd Hafiz Ismail. (2020). Golongan B40 terima impak besar akibat Covid-19. Berita Sinar Harian Online. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/96034/BERITA/Nasional/Golongan-B40-terima-impak-besar-akibat-Covid-19>. Diakses pada 4 Ogos 2020.
- Neuman, W. L. (2014). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*, 7th Edn. United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Nurul Huda Hussain.(2020). Semua negeri berdepan cabaran dalam tangani impak Covid-19: DOSM. Diambil <https://www.sinarharian.com.my/article/153928/BERITA/Nasional/Semua-negeri-berdepan-cabaran-dalam-tangani-impak-Covid-19-DOSM>. Diakses pada 5 Ogos 2021.
- Nurul Husna Mahmud. (2020). Ikhtiar kala pandemik. Diambil <https://www.hmetro.com.my/WM/2020/08/605864/ikhtiar-kala-pandemik>. Di akses pada 1 Ogos 2020.
- Polit, D.F., Beck, C.T. and Hungler, B.P. (2001). *Essentials of Nursing Research: Methods, Appraisal and Utilization*. 5th Ed., Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins
- Ragananthini Vethasalam, Mastura Malak, Hasmizar Hassan, Fikri Ghazali. (2020). Covid-19 to worsen inequality gap between B40, T20, says economist. Diambil <https://www.themalaysianinsight.com/v/288036>. Diterbitkan pada 3 Disember 2020.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach* (5thed.). Chichester: John Willey & Sons Ltd.
- Sofea Azahar. (2021). Gaji Tidak Padan Dengan Kos Sara Hidup. Diambil daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/130814/KHAS/Pendapat/Gaji-tidak-padan-dengan-kos-sara-hidup>. Diakses pada 29 Mac 2021.
- Wahab, M.A.A., Shahiri, H.I., Mansur, M. & Zaidi, M.A.S. (2018). The rising cost of living in Malaysia: A slow hh income growth or increasing standard of living. *Jurnal Ekonomi*
-

Malaysia 52(1): 125–139.

Yahaya, Nurizan .(1991). A profile of the urban poor in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 21 (2): 212-222.

Zanariah Abdul Mutalib. (2020). Kerajaan perlu terus imbangi bantu rakyat, bangunkan ekonomi.

Diambil <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/782287/perkasakan-ir40-dalam-situasi-covid-19>. Diakses pada 13 Disember 2020.

Zarith Nur Zahrah Mohd Lutfi. (2013). Pendekatan dan kaedah pengajaran pensyarah terhadap pendidikan jasmani di Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*, 3(4), 34-45.